

16/08/1999

PM harap swasta sertai go-kart

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berharap perlumbaan go-kart Indy 40 Enduro Langkawi 1999 semalam dapat menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam sukan lumba kereta selaras dengan usaha kerajaan menganjurkan Grand Prix Formula Satu di Litar Sepang, Oktober ini.

Menurut Perdana Menteri, perlumbaan go-kart itu boleh dijadikan pemangkin terhadap penyertaan sektor swasta secara besar-besaran dalam sukan lumba kereta selain memperkenalkan Langkawi sebagai `syurga' bagi peminat sukan itu.

"Perlumbaan go-kart sentiasa diketahui sebagai tempat mula menguji kehandalan memandu untuk pemandu kereta lumba pada masa depan yang mana pelumba dapat belajar teknik dan skil memandu yang betul.

"Sebagai satu sukan yang murah, go-kart juga adalah sukan yang mampu disertai remaja bagi mengisi masa lapang," katanya dalam perutusan buku cenderamata go-kart Indy 40 Enduro Langkawi 1999.

Dr Mahathir juga berharap peserta perlumbaan kali ini dapat meluangkan masa untuk melawat pelbagai tempat menarik di Langkawi dan keindahan pulau di sekelilingnya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Mofaz Motorsport, Potential Line dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) kerana berjaya menganjurkan perlumbaan itu.

(END)